

ANIMASI TERAPI RUQYAH DALAM PERAWATAN KOMPLEMETARI ISLAM

¹Norfarizah M. Bakhir, Nur Azian Abdul Rahman dan ²Supyan Hussin

Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA. Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA.

¹farizah@usm.my, ²supyan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Terapi ruqyah adalah salah satu kaedah perawatan dalam Islam. Ia terdiri daripada ayat-ayat pilihan dari Al Quran dan doa-doa pilihan dari Hadis Nabi s.a.w. Apabila terapi ruqyah dijalankan ke atas pesakit yang terkena gangguan jin, terdapat simptom dan tanda-tanda pada pesakit yang dirasai dalam diri oleh pesakit dan ada yang boleh dilihat pada fizikal diri pesakit. Berdasarkan kepada pengalaman dalam terapi ruqyah ini, animasi bagi menggambarkan reaksi pesakit apabila mendapat rawatan terapi ruqyah ini dibangunkan untuk menjadi bahan perbincangan dan penelitian lanjutan dalam penyelidikan. Animasi ini terdiri daripada fail format gif yang menggabungkan input grafik dan audio. Lakaran grafik yang dihasilkan oleh komputer digunakan sebagai *output* akhir. Animasi terapi ruqyah yang dihasilkan dalam beberapa situasi ini akan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umum mengenai kaedah terapi ruqyah dalam merawat diri sendiri dan diri orang lain. Kandungan kertas ini adalah sebahagian daripada dokumentasi projek Holographic Transdisciplinary Conservation 203/PTS/67270004.

Kata kunci: Animasi, Ruqyah, Islam

PENGENALAN

Pada umumnya ruqyah adalah satu bentuk terapi atau rawatan dengan membacakan jampi dan mentera. Ia telah wujud di zaman jahiliyyah iaitu sebelum Islam tiba. Tetapi terapi ruqyah syar'iyah yang menggunakan ayat suci Al-Qur'an dan doa-doa perlindungan yang bersumber dari sunnah Rasul s.a.w. dan tidak bercampur dengan jampi mentera rekaan sendiri (Nur AzianAb Rahman et al. 2013). Ruqyah syar'iyah dilakukan oleh seorang muslim, samada bertujuan penjagaan dan perlindungan diri sendiri atau orang lain, dari pengaruh buruk pandangan mata manusia dan, pengaruh sihir, gangguan kejiwaan dan berbagai penyakit fizikal dan hati. Ruqyah juga bertujuan untuk melakukan terapi perawatan dan penyembuhan bagi orang yang terkena pengaruh, gangguan dan penyakit tersebut.

Kita boleh mengimbas kembali sejarah latar turunnya surah al-Falaq dan An-Naas untuk memahami konsep terapi ruqyah syar'iyah. Salah satu fungsi dua surah ini ialah sebagai pencegahan dan terapi bagi orang beriman yang terkena sihir. Dalam satu riwayat oleh 'Aisyah bahawa Rasulullah s.a.w. sentiasa membaca kedua surat tersebut dan meniupkannya pada kedua telapak tangannya, mengusapkan pada kepala dan wajah dan anggota badannya.

Begitu juga dengan riwayat dari Abu Said bahwa Rasulullah s.a.w. dahulu sentiasa berlingung dari pengaruh mata jin dan manusia, ketika turun dua surat tersebut. Beliau mengganti dengan keduanya dan meninggalkan yang lainnya” (HR At-Tirmidzi). Seterusnya dalam riwayat oleh Ibnu Hajar al-Atsqalani dalam Fathul Bari (10/70),” Perwatan cara nabi tidak diragukan kemampuan menyembuhkannya karena datang dari wahyu”. Ibnul Qoyyim mengatakan dalam kitab as-Shahihul Burhan, “Al-Qur’an adalah tempat kesembuhan yang sempurna dari semua penyakithati dan semua penyakit dunia dan akhirat. Jika Allah tidak menyembuhkan anda dengan al-Qur’an, maka Allah tidak akan menyembuhkan anda dengan yang lainnya”. Bacaan ruqyah berupa koleksi ayat-ayat al-Qur’an dan doa atau wirid dari Rasulullah s.a.w. yang sah. Bagaimanapun terdapat syarat dalam kaedah pelaksanaan ruqyah syar’iyah, antaranya ialah:

1. Doa yang dibacakan jelas dan diketahui maknanya
2. Berkeyakinan bahwa ruqyah tidak berpengaruh dengan sendirinya, tetapi dengan takdir
3. Dan izin Allah SWT.
4. Tidak isti’anah (minta tolong) kepada jin (atau yang lainnya selain Allah).
5. Tidak menggunakan benda-benda yang menimbulkan syubhat dan syirik.
6. Cara perawatan harus sesuai dengan nilai-nilai Syari’ah, khususnya dalam penanganan
7. pesakit lawan jenis.
8. Perawat terapi harus memiliki kebersihan aqidah, akhlaq yang terpuji dan istiqamah
9. dalam ibadah.
10. Tidak minta diruqyah kecuali terpaksa.
11. Manakala ruqyah yang tidak syar’iyah ialah:
12. Memenuhi permintaan jin.
13. Ruqyah yang dibacakan oleh tukang sihir.
14. Bersandar hanya pada ruqyah, bukan pada Allah.
15. Mencampuradukkan ayat-ayat Al-Qur’an dengan bacaan jampi dan mentera
16. Meminta bantuan jin
17. Bersumpah kepada jin
18. Ruqyah dengan menggunakan sesajen
19. Ruqyah dengan menggunakan alat yang dapat mengarah kepada syirik dan bid’ah

Apabila ayat-ayat pilihan dari al –Quran dan doa-doa tertentu dibacakan kepada pesakit, terdapat beberapa tanda-tanda atau simptom yang akan dialami oleh pesakit. Misalnya denyutan nadi menjadi cepat, jantung berdebar, badan bergegar, terdapat seperti ada yang bergerak-gerak bawah kulit, rasa panas di tengkuk, rasa mengantuk dan menguap, batuk, rasa tidak selesa, dan gelisah. Tanda-tanda ini adalah reaksi kepada bacaan tadi. Jika benar pesakit diganggu jin, terapi ruqyah ini, dengan izin Allah, akan dapat menghalau jin tersebut dan menghilangkan tanda-tanda itu. Jika tubuh badan pesakit dimasuki jin, maka reaksi seterusnya ialah dapat dilihat pada keganjilan mata pesakit. Pesakit kelihatan tidak normal dan suaranya akan berubah menjadi kasar dan garau.

Ada ketikanya, pesakit akan bercakap bagi pihak jin, memberi jawapan kepada soalan perawat dengan maklumat yang tidak diketahui oleh pesakit itu sendiri. Terapi ruqyah Syari'ah mampu untuk mengeluarkan jin dari tubuh pesakit dan menyembuhkan pesakit dengan izin Allah S.W.T.

Oleh kerana terdapat kesan terapi ruqyah ke atas pesakit yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar kecuali reaksi bahasa badan, maka memaparkannya semula proses terapi ruqyah dalam bentuk animasi akan dapat memberi gambaran secara menyeluruh. Animasi ini juga dapat membantu orang awam memahami apa yang berlaku dalam proses terapi ruqyah syari'ah dan meyakinkan pesakit tanpa rasa ragu-ragu akan ayat-ayat dan doa yang dibacakan.

ANIMASI TERAPI RUQYAH BERDASARKAN KAJIAN KES

Animasi terapi ruqyah adalah bertujuan bagi merakam urutan peristiwa yang berlaku ke atas pesakit apabila pesakit dirawat. Rakaman video yang hanya mampu memberi gambaran luaran fizikal sahaja tidak memadai untuk member kefahaman kepada awam mengenai apa yang dilalui oleh pesakit. Manakala animasi pula mampu member gambaran yang lebih tepat khususnya ia boleh menunjukkank sesuatu pergerakan atau reaksi atau benda asing yang terdapat dalam proses terapi ruqyah itu (Supyan Hussin et al. 2014). Dengan merujuk kepada catatan perawat yang menjalankan terapi ruqyah, kita akan dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai perkara yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar ke atas pesakit, perasaan pesakit yang tidak dapat dirakam oleh video dan item yang keluar dan masuk ke dalam tubuh pesakit. Animasi yang dihasilkan dalam kertas ini adalah berdasarkan tiga kes di bawah ini.

Kes 1: Salmah Mahmud

1.1 Latarbelakang pesakit

Pesakit bernama Salmah (nama samaran) berasal dari Indonesia. Salmah bercinta dengan Leman selama setahun. Hubungan mereka putus dan Salmah membuat keputusan untuk berkahwin dengan Malik. Leman menjadi marah dan mencalitkan "minyak" yang sudah dijampi pada Salmah sehingga membuatkan Salmah hanya boleh berkata 'Ya' kepada semua permintaan Leman. Salmah memutuskan hubungan dengan Malik setelah dipaksa oleh Leman dan Leman juga membuat ancaman bunuh terhadap kedua ibubapa Salmah. Salmah kemudiannya berkahwin dengan Leman walaupun beliau mengetahui Leman adalah seorang yang jahat. Dua minggu sebelum pernikahan mereka, Salmah mengalami peristiwa pelik iaitu terdapat seperti mutiara di tempat kerjanya. Tiga jam selepas menikah, Salmah tiba-tiba pengsan dan tidak sedarkan diri selama 3 hari. Setelah sedar didapati kakinya berwarna lebam biru dan keluar paku. Selama dua bulan beliau tidak makan, tidak minum dan tidak buang air besar. Beliau juga sudah tidak lagi boleh membaca al-Quran dan solat. Seminggu selepas berkahwin juga beliau pengsan selama 35 hari dan sebelum peristiwa tersebut, perut beliau membesar seperti mengandung 6 bulan.

Keadaan kaki beliau juga menjadi seperti kudis, kemudian merah dan selepas itu kelihatan seperti luka. Beliau di rawat dengan diberi air ruqyah, terus perutnya mengempis. Beliau juga sering mendengar suara-suara yang kemudiannya disusuli dengan badan terasa panas. Beliau pernah memuntahkan paku bercampur darah. Selain dari itu, beliau juga mengalami seperti badan ditarik-tarik, didatangi makhluk yang menyeramkan dalam keadaan antara sedar dan tidak sedar serta sering merasa ketakutan. Beliau juga mempunyai perasaan ingin membunuh diri dan melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kearah itu termasuk memakan racun. Beliau pernah memuntahkan paku sepanjang 10 cm dalam posisi melintang dari mulutnya dan setelah paku keluar, beliau jatuh pingsan. Sejak dari peristiwa itu, selama setahun setengah keluar paku, dawai, jarum, serpihan kaca dan rambut dari badan Salmah. Barang logam yang keluar selama tempoh itu berjumlah 1,993 kesemuanya. Kaki Salmah akan berasa panas dan sakit pada bahagian tertentu apabila barang logam itu masuk ke dalam badan secara ghaib. Ketika barang logam itu keluar dengan sendirinya, beliau akan rasa sangat panas dan sakit.

1.2 Sepanjang Tempoh Rawatan

Setelah setahun setengah, keluarga Salmah membawa Salmah ke Hospital Nur Hidayah untuk mendapatkan rawatan. Pakar bedah melakukan pemeriksaan dan didapati kakinya penuh dengan nanah, luka dan bengkak. Dibahagian bawah kakinya terdapat banyak jarum. Sebahagian kulitnya mengalami nekrosis iaitu jaringan mati. Pertolongan kecemasan dilakukan oleh pihak hospital, tiga paku dan satu gulungan rambut diambil dari kaki kanan, manakala dua paku diambil dari betis kiri. Pakar bedah melakukan x-ray dan keputusan x-ray menunjukkan terdapat paku, dawai dan jarum. Setiap hari nanah akan keluar dengan disertai rasa panas dan sakit. Pesakit di diagnos sebagai mengalami Corpus Alienum Logam Regio Crucis Bilateral Multipledengan Abces dan Gangren. Terapi yang di cadangkan oleh perubatan adalah pembedahan Debridement dan Extractsi Corpus Alienum iaitu pengeluaran benda asing dan pembersihan nanah.

Sementara menanti Pakar bedah, seseorang telah meruqyah Salmah dan beliau pingsan sebanyak tiga kali. Ketika pembedahan hendak dimulakan Salmah telah mengalami kekejangan tidak sedarkan diri, pembedahan terpaksa dibatalkan. Akibat kekejangan tersebut, terdapat 4 batang paku keluar dari luka-luka Salmah. Semasa berlaku kekejangan, Salmah merasakan ada makhluk hitam besar dengan setengah badan dan berambut panjang dengan muka rosak mendatanginya dan beliau rasa ditarik-tarik serta diseret. Pembedahan pertama dilakukan pada 26 September 2012 yang berlaku selama 2 jam. Sebanyak 69 batang paku, dawai dan jarum dengan pelbagai ukuran telah dikeluarkan. 30 bahan logam dikeluarkan dari kaki kiri dan 39 bahan logam dikeluarkan dari kaki kanan. Nanah yang membusuk juga mengalir deras setiap kali bahan logam diambil keluar. Selesai pembedahan, balutan dilakukan pada tempat yang dibedah sebagai prosidur rutin perubatan. Selesai di bedah, pesakit di x-ray sekali lagi dan didapati terdapat lagi dua batang jarum, satu di tumit kanan dan satu di tumit kiri. Pesakit dibawa ke bilik bedah semula dan menjadikan kesemua bahan logam yang dikeluarkan secara pembedahan adalah 71 batang. Melalui x-ray, tubuh pesakit di sahkan bebas dari bahan logam.

Selepas dua hari berlalu, empat paku keluar lagi dengan sendiri dari kaki kanan dan kiri pesakit setelah diruqyah. Keesokannya keluar lagi dua potong dawai dan paku dari betis kiri, manakala dari kaki kanan bawah lutut keluar satu potong dawai. Pesakit mengeluh kerana merasa panas pada salah satu balutan pembedahan dan apabila dibuka, di dapati terdapat satu batang paku. Pesakit dibawa untuk di x-ray dan didapati terdapat tiga paku baru berukuran panjang sejajar dengan tulang kering dengan mata paku mengadap ke bawah. Apabila balutan dibuka, terdapat 12 batang paku dan kawat di antara kain kasa dan kulit pesakit. Keesokannya terdapat paku diluar balutan serta dipermukaan tumit kiri. Pesakit dibalut seperti mummy dengan tidak sedikit pun kulit kaki yang kelihatan.

Pada keesokan harinya, tiada paku dari kaki tetapi pesakit mengadu sakit perut dan meronta kesakitan. Ruqyah dibacakan keatas pesakit. Sakitnya naik ke dada sampai ke leher sehingga menjadikan pesakit tersedak dan tercekik. Pesakit kemudiannya memuntahkan paku berukuran 10 cm panjang yang berkeadaan melintang di rongga mulut. Anehnya tiada setitis darah punyang keluar. Paku yang dilihat melalui x-ray berada di sendi lengan kiri pesakit sehingga menyebabkan sendi siku tidak dapat bergerak tiba-tiba hilang ketika pembedahan hendak dilakukan. Sendi pesakit juga sudah boleh bergerak tanpa pembedahan.

Pesakit dirawat secara rawatan Islam dengan diberikan air bidara, madu, bekam selain bacaan ruqyah secara intensif. Doktor pakar bedah yang merawat pesakit juga telah diserang di jari kaki sehingga menyukarkan pergerakan beliau. Beliau menjalani terapi ruqyah dan pulih keesokan harinya. Bilangan logam yang dapat dicatitkan keluar dari tubuh pesakit adalah 2,207 batang. Semasa ruqyah dibacakan juga, tubuh pesakit akan merasa kaku, menutup telinga kerana enggan mendengar ayat-ayat ruqyah, berteriak tetapi bukan lagi suara beliau, pergerakan beliau sudah tidak boleh dikawal sehingga tujuh orang terpaksa memegangnya namun rontaan beliau masih lagi kuat. Beliau juga seperti ingin meloncat dan seperti angin ingin menerkam Ustaz yang membacakan ruqyah. Pesakit menendang-nendang dan ibu jari kaki kanan dan kiri dipicit oleh perawat sehingga tendangan menjadi lemah. Keadaan beliau juga seperti bermandikan peluh serta nafas yang termengah-mengah tetapi keadaan denyut nadi dan tekanan darah beliau adalah normal. Paku sepanjang 10 cm keluar lagi dari tubuh beliau. Bahan-bahan sihir yang keluar itu diruqyah dan dibakar kerana jika tidak dibakar, ia mengandungi medan magnet yang boleh menarik jin sihir.

Semasa rawatan intensif ruqyah juga pesakit pengsan dan muntah-muntah setelah sedar. Ada ketika beliau pengsan dan berlaku keadaan seperti lemas pernafasan. Beliau juga diajar agar sentiasa berwuduk, menjawab azan, solat tepat pada waktunya dan sentiasa berdoa serta berzikir. Amalan tersebut adalah sebagai benteng diri beliau dari serangan sihir.

1.3 Selepas rawatan

Pesakit yang sebelumnya mengalami masalah sukar tidur, sudah boleh tidur nyenyak. Bahan logam yang keluar dari badan pesakit juga tidak lagi menyakitkan dan badan pesakit tidak lagi merasa panas yang menyerang. Paku juga keluar dengan sendiri yang kadang-kadang jatuh ditikar, meja atau lantai rumah.

Pesakit juga sudah boleh berwuduk, solat, membaca al-Quran serta menghafal ayat. Pesakit juga sudah boleh berkomunikasi dengan baik. Paku juga tidak dapat menembusi badan Salmah tetapi paku akan jatuh diluar badan beliau tanpa dapat memasuki tubuh Salmah.

Kes 2: Jamilah

2.1 Latarbelakang pesakit

Pesakit bernama Jamilah (bukan nama sebenar) adalah seorang bekas kakitangan sebuah bank telah mengalami sakit sejak 2007. Pada mulanya beliau mengalami demam dan keluar biji merah di keseluruhan badan dan merasa sakit yang teramat pada semua tubuh badan. Beliau mendapatkan rawatan perubatan dan di x-ray sebanyak lima kali tetapi hasil x-ray adalah negatif. Doktor telah mencadangkan rawatan alternatif kepada beliau. Pada tahun 2008, beliau merasa sakit di lutut tetapi apabila di x-ray tidak terdapat sebarang tanda yang boleh membawa kepada diagnosis penyakit. Pesakit kemudiannya menjalani imbasan MRI tetapi tidak juga mendapati sebarang penyakit yang boleh dikaitkan. Lutut beliau telah di suntik kerana kesakitan yang tidak boleh di tahan. Pada tahun 2012, pesakit tidak boleh berjalan dan doktor telah memberikan suntikan cecair pada kedua lututnya tetapi beliau masih merasa sakit.

Pada tahun 2013 pula, beliau mengalami gout yang menyebabkan kaki menjadi bengkak, maka melalui ujian makmal didapati kehadiran asid urik pada badan pesakit. Beliau kemudiannya menjalani ujian darah tetapi kolestrol beliau tiba-tiba tinggi dan telah dirujuk ke pakar jantung. Ujian EEG, Ct-Scan dijalankan sebanyak 12 kali tetapi tidak menemui sebarang diagnosis yang boleh dikaitkan. Doktor menjalankan pemeriksaan, pesakit di minta menahan nafas dan bacaan beliau menjadi turun naik. Akhirnya dapat dikesan ada sumbatan pada kedua kiri dan kanan jantung pesakit. Pesakit perlu menjalani rawatan angiogram.

Selain itu, pesakit juga telah mengalami pendarahan yang menyebabkan uterus pesakit perlu dibuang tetapi apabila dibuang dan dikeluarkan didapati uterus tersebut sebenarnya masih berkeadaan baik. Pesakit juga mengalami sakit arthritis, kekejangan, cirrhosis, cirit birit, sakit perut, batu karang, tidak hadaman, kencing manis, anaemia, tekanan darah tinggi, thrombus, bloating, varicose vein, chilblain, dan sebelum 2013 mengalami tekanan darah rendah. Pesakit selalu merasa takut, sensitive, sakit tekak, selalu selsema, sinusitis, asma, bronchitis dan kesusahan bernafas serta eczema pada bawah ketiak pesakit dan pada sebelah mata.

Selain dari fizikal, pesakit juga mengalami gangguan emosi dengan corak tidur yang buruk, tidak tenang, tenaga jadi lemah, selera makan yang tinggi, stress, gangguan semasa tidur, menangis semasa tidur, ketawa semasa tidur, bermimpi yang menakutkan, mengeluh semasa tidur, bermimpi tempat kotor, bermimpi berada dijalan yang sunyi, bermimpi makhluk pelik, bermimpi jatuh dari tempat tinggi, bermimpi binatang berbisa seperti ular, bermimpi ulat kecil, bermimpi dikejar makhluk. Keadaan semasa jaga pula, pesakit akan mengalami seperti fikiran yang kosong, tidak berupaya untuk focus, penat yang berlebihan, mata yang sentiasa mengantuk, nampak benda

ghaib, marah yang keterlaluan, mendengar suara, menjadi pemalas, paranoia, merasa sunyi, kuat berangan, mudah menangis, berfikir yang bukan-bukan, suka salahkan orang lain, tidak suka bersosial, lesu, sakit di rahim, tidak pedulikan kekemasan diri, tidak suka dan benci pada suami, rasa ingin mati dan rasa kecewa dengan kehidupan .

2.2 Sepanjang Tempoh Rawatan

Beliau menjalani rawatan terapi ruqyah sya'riyyah serta rawatan tepuk. Semasa di tepuk keluar dari rusuk kanannya hingga ke perut beliau serbuk kayu, kaca, buluh, bulu beruk putih, kuku dan debu. Semasa diruqyah juga pesakit merasa ingin muntah dan keluar dari lutut ke pergelangan kaki kiri secebis plastik putih dalam ukuran lima inci. Pesakit mendapatkan rawatan ruqyah dua hari sebelum beliau perlu menjalani rawatan angiogram di hospital.

2.3 Selepas rawatan

Pesakit merasa lega, ringan badan, tidak lagi rasa letih dan lesu, tidak sensitive, tidak mudah marah dan tidak lagi rasa keliru. Beliau merasakan telah mendapat kekuatan dari sudut emosi. Perkara yang paling berkesan adalah apabila beliau pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan angiogram tetapi dua doktor pakar mengesahkan bahawa sumbatan di jantung beliau sudah tidak ada. Sumbatan itu hilang dengan rawatan ruqyah dan pesakit tidak perlu menjalani rawatan angio.

Kes 3: Aminah

3.1 Latarbelakang pesakit

Pesakit bernama Aminah (bukan nama sebenar) mengalami masalah kemurungan yang utama atau *Major Depression*. Beliau telah dirujuk ke pakar sakit jiwa. Beliau tidak boleh tidur selama 4 bulan dan setiap hari beliau perlu keluar dari kawasan yang beliau tinggal. Beliau diberikan ubat penenang dan ubat tidur tetapi masalah beliau tidak selesai dan masih tidak boleh tidur. Pesakit dihantar ke HUKM dan diikat pada katil serta diberikan suntikan agar tidak sedar diritetapi tidak juga berjaya. Suntikan gagal membuatkan beliau pengsan. Keadaan beliau juga adakala beliau rasa sejuk dan ada ketika rasa panas tetapi akan menjadi berlawanan dengan orang di sekeliling. Jika orang sekeliling rasa panas, pesakit akan rasa sejuk dan sebaliknya. Selain itu pesakit juga mengalami masalah sembelit, ulser, sakit perut, tidak hadam, heartburn, merasa mual yang mengeluarkan buih, kolesterol, migraine, ketakutan, sensitive, kerap sakit kepala, ketegangan saraf, sakit tekak, masalah pernafasan, sukar untuk mendapat rasa berehat, selera makan yang kurang, menghadapi tekanan perasaan, masalah rasa takut untuk tidur, dan terasa ada gangguan setiap kali hendak tidur.

Sebelum kejadian tidak boleh tidur ini, pesakit alami mimpi ngeri, ketawa dan menangis semasa tidur. Pesakit bermimpi tempat kotor, berada di jalan yang sepi, makhluk menakutkan dan ganjil, mimpi jatuh dari tempat tinggi, bermimpi binatang berbisa, mimpi lemas dan mimpi ditembak.

Manakala ketika jaga, pesakit alami fikiran kosong, tidak boleh fokus, penat yang melampau, mata yang tidak bermaya, melihat benda ghaib, marah yang melampau, mendengar suara, malas, adakala tidak sedar, suka menyendiri, suka menangis, fikir yang bukan-bukan, suka bercakap dan bertindak kasar, suka salahkan orang lain, tidak suka bersosial, gelisah, sakit di rahim, kurang penampilan diri, kurang menjaga kebersihan, kerap bau busuk yang teramat dan sangat membenci suami dan bapa sendiri. Pesakit juga ada melihat kelibat wanita tua, malahan suami juga pernah melihat perkara yang sama. Semasa pesakit diikat dikatil, doktor wanita yang berbangsa Cina juga dapat melihat kelibat perempuan tua tersebut.

3.2 Sepanjang Tempoh Rawatan

Pesakit mendapatkan rawatan terapi ruqyah dengan penggunaan ayat-ayat bagi memisahkan jin dari pesakit, sakit mental, memusnahkan sihir. Sepanjang tempoh rawatan juga, terdapat bahan yang keluar dari badan pesakit iaitu paku dikepala, dada dan tengkuk sebanyak tiga batang.

3.3 Selepas rawatan

Pesakit dapat tidur dan keadaan kesihatan bertambah baik.

PROSES ANIMASI TERAPI RUQYAH

Menurut Walt Disney, animasi menawarkan medium bercerita dan hiburan visual yang boleh membawa keseronokan dan maklumat kepada rakyat semua peringkat umur di mana-mana di dunia. Menurut definisi, animasi masih menggabungkan prinsip filem klasik, mewakili realiti yang sering dipanggil "benar" dan ia bertujuan untuk mewujudkan ilusi pergerakan dengan menggunakan cara-cara buatan. Kaedah animasi konvensional yang rumit dan panjang kini telah digantikan dengan animasi digital yang dapat menghasilkan animasi dengan lebih cepat dan lebih mudah serta menjimatkan. Kajian itu akan menyelidik konteks seni visual di mana animasi digunakan dan terangkan faktor ghaib yang berasal daripadanya. Animasi membolehkan kita menerangkan mengenai faktor ghaib atau topik yang susah untuk di bayangi dan ia dapat menyampaikan perkara-perkara sensitif dengan cara yang lucu dan santai atau dalam nada yang lebih serius, yang jauh lebih sukar untuk dicapai melalui perfileman secara langsung. Terdapat beberapa perisian yang digunakan bagi menghasilkan animasi. Hasil animasi boleh disimpan dalam pelbagai format dan proses membuat animasi ini melibatkan beberapa peringkat iaitu pra produksi, produksi dan pasca produksi. Setiap proses memerlukan perancangan yang teliti dan mengambil masa yang panjang. Misalnya dalam proses pembuatan animasi konvensional menggunakan animasi frame demi frame, pergerakan ilusi dibuat dengan membuat "motion picture" (gambar bergerak) dan memainkan gambar tersebut dibelakang layar dengan kadar kecepatan tinggi, umumnya 14-39 frame/sesaat. Proses membuat animasi boleh memakan masa berhari-hari, malah proses rendering di tahap akhir boleh mengambil masa sehingga 24 jam atau lebih bagi menghasilkan sesuatu animasi. Bagi tujuan kertas kerja ini, perisian yang digunakan bagi menghasil animasi terapi ruqyah ini ialah Adobe after effect, adobe premier, Alias Maya dan Adobe Photoshop.

KESIMPULAN

Animasi ruqyah terapi ini adalah satu inisiatif projek penyelidikan LRGS/TD/2012/USM-UKM/KT/03 dan 203/PTS/67270004. Animasi terapi ruqyah seperti ini belum pernah dihasilkan di negara ini. Ia direkacipta bagi memberi gambaran kepada umum bagaimana terapi ruqyah dilakukan, apa yang berlaku dalam proses terapi tersebut, dan apa yang berlaku selepas terapi tersebut dijalankan. Animasi ini juga akan menjadi satu bentuk pendidikan kepada awam selain ia memberi maklumat yang diperlukan oleh masyarakat. Meskipun begitu, animasi ini adalah hanya satu contoh yang kecil di mana segmen bagi setiap proses diringkaskan dan tidak memberi perincian setiap gerakan dan reaksi kerana proses membuat animasi yang panjang memerlukan kos yang tinggi dan masa yang lama. Dengan terhasilnya animasi terapi ruqyah sebagai satu contoh permulaan ini, usaha projek ini untuk menyimpannya dalam Hologram sebagai satu platform storan pengkalan data akan dapat direalisasikan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Nur Azian Ab Rahman & Supyan Hussin. 2013. Membangunkan Kaedah Menilai Penyakit Berunsur Jin di bentang di Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2013. Memperkukuhkan Kearifan Tempatan Ke Arah Pengantarabangsaan". Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu. 6-7 Oktober 2013.
- Supyan Hussin, Ding Choo Ming, Norzaini Zainal dan Norfarizah Mohd Bakhr. 2014. Hologram: Ke Arah Pembangunan Pangkalan Data Kearifan Tempatan Malaysia. Kertas dibentangkan di Regional Conference on Local Knowledge (2014) Conference: Local Knowledge: Synergy - Sustainability – Dynamism. 12-13 October 2014. Kucing, Sarawak, Malaysia
- Manovich, L. Reality Effects in Computer Animation. In J. Pilling (Ed.). A Reader in Animation Studies. Sydney: John Libbey & Company Pty Ltd. pp. 5-15. 1997.